

# SISPA buka ambilan pertama di UMS

Oleh **SITI AISYAH NARUDIN**

[bustymessy@gmail.com](mailto:bustymessy@gmail.com)

**KOTA KINABALU:** Selepas 16 tahun penubuhannya, Kor Sukarelawan Pertahanan Awam kini membuka lembaran sejarah bagi Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan pengambilan pertama Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA).

Menurut Komandan SISPA UMS, Lt. Kol Kehormat Pertahanan Awam, Prof Madya Dr. Kasim Haji Mansur, ini merupakan kali pertama SISPA ditubuhkan di UMS dan berharap mahasiswa yang terpilih harus memberikan komitmen sepenuhnya terhadap kor berkenaan.

“Anggota SISPA perlu sentiasa mempersiapkan diri sama ada dari segi fizikal dan mental dalam menghadapi latihan untuk memantapkan lagi kor SISPA,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sementara itu, Pegawai Bahagian Pengurusan Angkatan Negeri Sabah, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Kapten Erwin Kinsui berkata, pihak JPAM akan sentiasa memberikan komitmen penuh dalam memastikan para pelajar SISPA mendapat keutamaan dari segi latihan dan keperluan lain yang berkaitan.

Katanya, Kor SISPA UMS merupakan Kor Sukarelawan Pertahanan Awam yang pertama bagi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Sabah.

Justeru beliau berkata, kor ini akan sentiasa menjadi fokus JPAM dalam memberikan yang terbaik kepada para pelajar SISPA agar kelak mereka mampu untuk menyumbangkan yang terbaik kepada masyarakat.

“Dalam sesi latihan melibatkan kor SISPA, penyeliaan dan keselamatan

setiap anggota akan sentiasa diutamakan. Oleh itu, mereka tidak perlu merasa takut dan gentar untuk menjalani latihan,” jelasnya semasa majlis Pembukaan Latihan SISPA di sini baru-baru ini.

Seramai 61 mahasiswa terpilih dalam ambilan pertama ini dan sesi latihan yang bakal dijalankan merangkumi keseluruhan aspek menyelamat.

Turut hadir, Penyelaras SISPA, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Ketua Jurulatih SISPA, Azamsah Apearal.



**PERIKSA BARISAN...Kasim (empat kiri) memeriksa barisan SISPA sambil diiringi oleh Azamsah (dua kiri).**